

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Senario Keluarga Ibu Tunggal

Sebuah keluarga yang lengkap dengan kehadiran ibu dan bapa sangat penting dalam menjana kesejahteraan dan kecemerlangan hidup seorang anak. Keluarga asas ialah satu institusi sosial yang terbina hasil daripada perkahwinan di antara seorang lelaki dan perempuan mengikut adat, agama atau undang-undang. Ianya terdiri daripada bapa, ibu dan anak. Kedua-dua ibu dan bapa penting bagi institusi keluarga kerana struktur keluarga yang baik membolehkan individu mencapai makna kehidupan, kestabilan, keselamatan dan menjadi individu sihat, kompeten dan warganegara yang produktif. Keluarga yang sejahtera menghasilkan peribadi anak yang sejahtera.

Ibu bapa memberikan sokongan emosi dan bimbingan praktikal di samping menjadi '*role model*' kepada anak. Ibu dan bapa akan mendidik dan membudayakan anak mereka dengan nilai hidup dan cara hidup serta bahasa sesuatu kaum. Ibu berperanan utama dalam tugasannya harian seperti menyediakan makan dan minum untuk anak dan menguruskan hal rumah tangga, manakala bapa pula berperanan sebagai pencari

nafkah dan juga sebagai rakan sepermainan serta memberikan bantuan dengan tanggungjawab domestik (Hochschild, 1989; Thompson & Walker, 1989).

Gaya didikan ibu dan bapa adalah berbeza, namun ianya sangat penting untuk anak dan apabila salah seorang daripada ibu atau bapa tidak wujud dalam sesebuah keluarga, maka ini akan membawa implikasi kepada diri anak.

Keluarga mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan anak tetapi keutuhan sesebuah rumah tangga ataupun keluarga boleh tergugat. Keluarga asas boleh roboh akibat perceraian, perpisahan atau pun kematian mana-mana salah seorang pasangan. Justeru, wujudlah fenomena keluarga tunggal yang diketuai oleh sama ada bapa atau ibu. Beberapa faktor telah dikaitkan dengan punca penceraian. Menurut Cherlin (1992) tahap peningkatan ekonomi wanita, tahap pendidikan dan peningkatan keinginan untuk tuntutan peribadi dan penerimaan masyarakat yang tinggi terhadap perceraian membawa kepada implikasi ini.

Menurut Booth & Edwards (1985) dan Bumpass, Martin & Sweet (1991) mengatakan bahawa punca perceraian juga boleh disebabkan oleh perkahwinan awal. Ini ditambah pula dengan pendapat yang diberikan oleh Cleak dan Pearson (1985) dan Kitson (1992) menekankan beberapa ciri peribadi suami yang membawa kepada punca penceraian. Antaranya ialah suami yang bersikap autokratik, suka minum arak, tidak jujur, pengurusan kewangan yang tidak cekap serta gaya hidup yang berbeza.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Shahrizat mengatakan terdapat 126,810 ibu tunggal yang berdaftar di negara ini di mana 58.9% terdiri ibu berbangsa Melayu, 23.4% Cina, 9.2% India, 7.8% bukan Bumiputera Melayu dan 0.7% bangsa lain (New Straits Times, 23 November 2004).

1.2 Kehidupan Keluarga Ibu Tunggal

Masyarakat pada umumnya mengandaikan bahawa keluarga ibu tunggal sebagai keluarga yang pincang (*broken homes*) dan tidak dapat berfungsi dengan baik. Tugas dan tanggungjawab ibu tunggal semakin rumit dan kompleks mengikut bilangan anak dan

pendapatan yang rendah berbanding dengan bilangan anak yang ramai yang perlu disaranya seorang diri.

Fenomena wanita sebagai ibu tunggal bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat di negara kita. Kewujudan wanita sebagai ibu dan ketua keluarga tanpa kehadiran lelaki bergelar suami, merupakan perkara lumrah yang akan berlaku di dalam sesebuah rumah tangga yang kurang bernasib baik. Kumpulan wanita ini samada secara sukarela ataupun terpaksa akan memegang status ibu tunggal tersebut sehinggalah perkahwinan seterusnya memegang tempat. Wanita yang pernah berkahwin tetapi tidak mempunyai anak tidak akan digelar sebagai ibu tunggal, walaupun mereka mengalami perceraian atau perpisahan yang sama di dalam perkahwinan terdahulu.

Kajian menunjukkan bahawa bilangan kaum wanita yang mengetuai isi rumah berada pada kadar yang agak membimbangkan. Ini adalah ekoran daripada jumlah yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Banci Penduduk pada tahun 1991 menunjukkan bahawa wanita yang bergelar ibu tunggal mengetuai 18.6% isi rumah di Malaysia (<http://www.kpwk.gov.my>). Statistik menunjukkan bahawa angka ini meningkat daripada 444,100 orang pada tahun 1980 kepada 653,500 orang pada tahun 1991.

Peningkatan jumlah tersebut jelas menunjukkan bahawa semakin ramai wanita yang terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih berat di dalam membesar dan mendidik anak-anak serta menguruskan rumah tangga, tanpa bantuan lelaki yang bergelar suami atau ayah kepada anak-anak.

Golongan ibu tunggal sering mengalami masalah dalam keluarganya di mana mereka dikaitkan dengan faktor kemiskinan. Statistik menunjukkan peningkatan kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah, wanita daripada 15.1% pada tahun 1997 kepada 16.1% pada tahun 1999. Bancian penduduk pada tahun 2000, mencatatkan hampir 3.2 juta orang bergantung nasib kepada ibu tunggal dengan purata saiz keluarga di antara 4.5 orang (<http://www.acs.ohio-state.edu>). Keadaan yang sama juga berlaku di kalangan rakyat Amerika yang berkulit hitam, di mana status mereka sebagai ibu tunggal telah menyebabkan mereka berada di dalam kancah kemiskinan. Kajian yang dilakukan pada tahun 1989 menunjukkan bahawa 47% daripada ibu tunggal yang berkulit hitam berada pada aras kemiskinan dengan taraf hidup yang rendah, berbanding dengan hanya 25% sahaja dari kalangan ibu tunggal yang berkulit putih (Jayakody, Chatters & Taylor, 1993).

Golongan ibu tunggal yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi juga lazimnya menceburi bidang pekerjaan yang kurang mahir atau pun tidak formal. Kebanyakan daripada mereka bekerja di kilang-kilang, bekerja sendiri atau pun berniaga. Kebanyakan ibu tunggal ini menerima pendapatan bulanan sebanyak RM500 dengan purata pendapatan sebulan sebanyak RM283 (<http://www.kpwk.gov.my>). Jumlah pendapatan yang kecil ini jelas tidak mencukupi untuk menyara kos hidup, lebih-lebih lagi untuk menampung perbelanjaan anak yang masih bersekolah dan juga termasuk perbelanjaan harian keluarga.

Acock dan Demo (1996) mendapati bahawa ibu tunggal mempunyai tahap kesejahteraan diri yang rendah berbanding dengan mereka yang masih tinggal dengan suami. Perpisahan dengan suami atau pasangan hidup membawa kepada tekanan yang berkekalan, masalah kewangan, kesunyian dan penjagaan anak secara solo di kalangan ibu-ibu tunggal.

Perceraian daripada suami membawa tekanan kepada isteri, anak di samping masalah tingkah laku di kalangan anak daripada keluarga ibu tunggal ini. Menurut Block, Block & Gjerde (1986) anak lelaki daripada keluarga ibu tunggal adalah agresif

dan tidak mempunyai sikap bekerjasama dengan orang lain. Lebih spesifik lagi, konflik rumah tangga dan keruntuhan keluarga didapati sebagai punca masalah tingkah laku di kalangan remaja. Terdapat kajian yang dilakukan oleh Hetherington, Cox & Cox 1977; Wallerstein & Kelly 1980; Zill & Peterson 1983; Levinger, George & Moles 1979, mendapati pada tahun pertama perpisahan ataupun perceraian, anak menjadi lebih bergantung (*dependent*), tidak menurut cakap orang lain, agresif, mendesak dan kurang memiliki sifat kasih sayang. Corak penjagaan ibu bapa juga berubah dan mereka menjadi kurang konsisten, kurang mencerahkan kasih sayang terhadap anak dan kurang dari segi pengawasan tingkah laku anak mereka.

Perceraian yang terjadi dalam sesebuah keluarga mengakibatkan berlakunya banyak perubahan seperti tekanan kepada keluarga yang mengalaminya. Menurut Dacey (1997) perubahan tersebut menyebabkan remaja merasakan tekanan yang tinggi khususnya dalam aspek ekonomi. Gangguan ekonomi menyebabkan anak-anak terutamanya di peringkat remaja merasakan kurang selesa kerana tidak dapat memiliki apa yang mereka ada sebelum perceraian. Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Wallerstein dan Kelly (1980) telah membuktikan bahawa terdapat kesan-kesan negatif akibat keruntuhan rumah tangga dalam jiwa anak di mana setelah lima tahun akibat

perceraian, satu pertiga daripada kanak-kanak daripada sampelnya mengalami gangguan yang serius akibat perpisahan. Faktor ini disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan di kalangan anak daripada keluarga ibu tunggal. Keluarga ibu tunggal didapati mempunyai pendapatan yang rendah berbanding dengan keluarga yang terdiri daripada kedua-dua bapa dan ibu.

Wan Halim Othman (1995) dalam Seminar Ibu Tunggal kebangsaan menggariskan bahawa keluarga ibu tunggal sebagai pincang kerana tiada bapa untuk mendisiplinkan anak-anak. Sehubungan dengan itu, anak-anak menjadi liar, berjudi, minum arak, menagih dadah, mencuri dan terlibat dalam kancalah maksiat seperti pelacuran. Anak daripada keluarga ibu tunggal juga mempunyai perasaan rendah diri kerana mereka tidak mempunyai bapa seperti mana kanak-kanak normal yang lain. Perasaan rendah diri menyebabkan mereka mengasingkan diri, tidak suka berkawan dan tiada keyakinan diri dalam pelajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Para remaja yang terlibat dengan gejala sosial amat membimbangkan pelbagai pihak. Ini ternyata kerana saban hari terpapar gejala sosial di dada akhbar. Sebahagian besar kajian yang telah dijalankan oleh Amato, 1993; Amato & Keith 1991, mendapati remaja daripada keluarga yang telah bercerai dan ibu bapa yang berkahwin semula mempamerkan masalah tingkah laku yang negatif berbanding dengan yang tinggal bersama dengan ibu bapa kandung. Remaja daripada keluarga pincang (*broken homes*) yang disebutkan di atas mempunyai masalah dalaman dan luaran yang tidak dapat dibendung, konsep kendiri yang rendah, lemah dalam prestasi akademik, masalah interaksi sosial, tingkah laku delinkuen.

Ketiadaan bapa dalam keluarga memberi impak terhadap anak dari segi penyesuaian psikologi, konsep diri dan pencapaian akademik. Bapa sebagai '*role model*' kepada anak-anak dan ketiadaan bapa menyebabkan masalah emosi seperti kerunsingan, agresif dan kemurungan. Remaja yang tidak mempunyai bapa juga didapati tidak memberikan kerjasama kepada orang lain dan terlibat dengan gejala sosial seperti mengambil alkohol dan marijuana, merokok, berbanding dengan remaja yang tinggal bersama dengan kedua-dua ibu dan bapa.

Pendapat yang dipaparkan dalam Current Population Report 1997 tentang peranan bapa adalah seperti berikut:

"It is undisputed among researchers and policy pundits alike that fathers' involvement is extremely important for children's proper social and emotional development. Furthermore, fathers interact differently with their children than do mothers, and it is fathers' unique interaction that is said to help promote specifically children's emotional development".

(Casper, 1997, p. 1)

Peranan keluarga dan interaksi yang spesifik di antara ibu bapa dan anak merupakan komponen yang penting dalam perkembangan dan pertumbuhan anak. Mengikut Blos (1962) dan Freud (1969), fungsi psikoanalitik yang awal meneliti bahawa perkembangan yang sihat sebagai proses individualistik yang diperolehi melalui perhubungan dan perikatan kekeluargaan serta perapatan sewaktu bayi.

Kerenggangan daripada ibu bapa membawa kepada keadaan yang resah dan pemberontakan oleh remaja. Proses kekeluargaan yang meransangkan mendorong

kepada proses individualistik dan perpisahan di kalangan remaja di mana ini membenarkan remaja mengekalkan perhubungan dengan keluarga dan ini didapati lebih efektif dalam menghasilkan kompetensi (Grotevant & Cooper 1983).

Keruntuhan dan konflik keluarga mempunyai impak yang lebih tinggi di kalangan remaja lelaki di mana ini membawa kepada tingkah laku anti sosial manakala remaja perempuan pula lebih memamerkan kesedihan dan pengunduran. Kajian (Zill, 1978; Zill & Peterson, 1983), juga mendapati bahawa mereka mengalami masalah psikologi yang boleh berlanjut untuk beberapa tahun dalam kehidupan mereka.

Masalah yang dihadapi oleh remaja berpunca dari dalam diri sendiri dan juga kerana kepincangan dalam keluarga mereka. Kepincangan keluarga serta kesibukan ibu bapa menyebabkan mereka hilang kasih sayang dan tempat untuk meluahkan perasaan. Ini menyebabkan mereka rasa hambar dan kecewa pada diri sendiri serta pada keluarganya (Hamly, 1995).

Golongan remaja masa kini menghadapi pelbagai tekanan khususnya daripada ibu bapa, rakan sebaya dan komuniti. Para remaja daripada keluarga ibu tunggal pula menghadapi masalah yang lebih spesifik dan berbeza samada dari segi kategori masalah ataupun darjah keseriusan masalah. Justeru kajian ini memfokuskan kepada pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal dan mengenalpasti kategori utama masalah serta tahap keseriusan kategori tersebut. Kajian ini juga adalah untuk melihat kategori masalah yang langsung tidak memberi apa-apa impak kepada pelajar daripada keluarga ibu tunggal ini di samping melihat samada terdapat perhubungan yang signifikan di antara kesemua sebelas kategori masalah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kategori utama masalah yang dialami oleh pelajar remaja serta tahap keseriusan kategori tersebut. Penelitian juga dilihat sejauhmana pelbagai kategori masalah memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar yang berasal daripada keluarga ibu tunggal ini. Kajian ini juga memfokuskan untuk melihat perbezaan dari segi latar belakang pelajar bagi setiap kategori masalah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kategori masalah yang langsung tidak

menganggu pelajar remaja, di samping juga melihat samada terdapat perhubungan yang signifikan di antara kesemua sebelas kategori masalah.

1.5 Soalan kajian

Kajian ini menjurus untuk menjawab beberapa soalan yang dinyatakan di bawah:-

- i. Apakah kategori masalah yang amat menganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal di Puchong?
- ii. Apakah kategori masalah yang “tidak” amat menganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi latar belakang pelajar bagi setiap kategori masalah?
- iv. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara kesemua sebelas kategori masalah?

1.6 Kepentingan Kajian

Secara umum, pelbagai interpretasi diberikan kepada keluarga ibu tunggal oleh masyarakat. Mereka menganggap keluarga ibu tunggal sebagai sebuah keluarga yang serba kekurangan, pincang dan kurang mendapat sokongan sosial dan moral daripada komuniti sekeliling. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting untuk menangkis perasaan prejudis terhadap kebolehan dan kelemahan yang dimiliki oleh ibu tunggal.

Hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada badan-badan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta badan-badan bukan kerajaan (NGO), untuk mengadakan program motivasi dan pembentukan diri kepada pelajar-pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal.

Kajian yang dilaksanakan juga dapat memberi manfaat kepada guru dan kaunselor sekolah supaya menganjurkan program-program yang lebih khusus dalam membimbing dan mengurangkan gejala sosial di kalangan pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini.

1.7 Batasan dan Fokus Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada 40 orang pelajar remaja lelaki dan perempuan daripada keluarga ibu tunggal dari sebuah Sekolah Menengah di Puchong. Pelajar dari tingkatan Peralihan hingga Tingkatan Empat dipilih dan diselidik bagi mendapatkan responden kajian yang mencukupi. Responden yang terlibat berbeza dari segi latar belakang keluarga seperti jantina, tingkatan persekolahan, saiz keluarga dan prestasi akademik. Pelajar-pelajar remaja keturunan Melayu, Cina, India, Punjabi dan Iban terlibat dalam kajian ini. Perbandingan masalah antara pelajar remaja dari keluarga asas dengan keluarga ibu tunggal tidak dibuat dalam kajian ini. Dapatan kajian tidak ini dapat digeneralisasikan kepada semua remaja dari tempat kediaman yang lain kecuali bandar Puchong sahaja.

1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah-istilah utama yang digunakan dalam kajian ini diuraikan seperti berikut:-

1.8.1 Keluarga Ibu Tunggal

Berdasarkan kepada Webster's New World Dictionary (2004), mengatakan keluarga ibu tunggal adalah diketuai oleh ibu yang mempunyai anak di bawah tanggungannya.

Keluarga ibu tunggal ialah sebuah keluarga yang terjadi akibat pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan isteri, samada melalui cara penceraian yang sah atau kematian. Keluarga begini diterajui oleh ibu yang berstatus janda atau balu bertanggungjawab menjaga, menyara dan mendidik anak atau anak-anaknya. Ibu tunggal memainkan peranan sebagai ketua keluarga yang menjadi tunjang dan melindungi keluarga dan peranan sebagai suri rumah yang menguruskan perjalanan dalam rumah tangga.

1.8.2 Ibu Tunggal

Menurut Siti Fatimah Abdul Rahman (2002), ibu tunggal merupakan wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan menjalankan dwifungsi iaitu sebagai penyara dan pengurus keluarganya. Ia juga meliputi mereka yang mendapat anak tanpa pernikahan yang sah dan mendidiknya secara solo, isteri yang telah berpisah dengan suami dan menjaga anak-anak setelah ditinggalkan serta isteri yang bercerai hidup atau mati dan ditinggalkan dengan tanggungannya.

Bagi Wan Halim Othman (1995), ibu tunggal adalah seorang ibu yang menanggung tanggungjawab mendidik, membimbing, menjaga, membiayai dan membesarkan anak-anaknya tanpa penglibatan aktif seseorang suami. Seseorang itu menjadi ibu tunggal oleh kerana beberapa keadaan iaitu:-

- a) **Perceraian** : Ibu tunggal juga adalah hasil perceraian di mana si ibu diberikan tugas membesarkan anak-anaknya. Perceraian berlaku kerana hakikat bahawa manusia berbeza watak dan sentiasa berubah serta sikap masyarakat yang menggalakkan manusia berkahwin dan memperoleh anak tanpa mengira samada mereka cukup matang, bertanggungjawab atau waras untuk melakukan demikian.

- b) **Kematian suami** : Kematian suami meninggalkan si isteri untuk selama-lamanya untuk meneruskan tugas membesarkan anak-anak.
- c) **Perpisahan** : Seseorang isteri menjadi ibu tunggal apabila suaminya tinggal berasingan dan berjauhan dan tidak memainkan peranan langsung ataupun aktif sebagai bapa dalam keluarga tersebut.
- d) **Ibu Gantian** : Seseorang wanita yang diberikan tugas membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan seseorang suami. Sebagai contohnya, ibu kepada anak-anak angkat dan anak yatim, kakak yang membesarkan adik-adik tanpa kehadiran ibu bapa dan saudara mara yang lain, ibu saudara yang tidak bersuami yang membesarkan anak-anak saudara, nenek yang memelihara cucu-cucunya sepenuh masa tanpa bantuan datuk, ibu tiri yang membesarkan anak-anak tiri setelah kematian suami dan lain-lain lagi.
- e) **Bapa tidak aktif** : Bapa yang wujud dan berkemungkinan tinggal bersama dengan isteri dan anak-anaknya, tetapi tidak memainkan peranan yang sewajarnya di dalam usaha membesarkan anak. Segala urusan membesarkan anak diserahkan

sepenuhnya kepada isteri. Si bapa lebih menumpukan perhatian kepada urusan luar keluarga.

f) **Ibu tanpa berkahwin** : Ibu tunggal ini memilih untuk menjaga anak-anak yang dikandungi tanpa perkahwinan kerana sebab-sebab seperti perogolan, penipuan atau persetubuhan sebelum berkahwin. Kes-kes seperti ini jarang ditemui di dalam masyarakat yang akan mendesak ibu-ibu seperti ini supaya memberikan dan menjualkan anak kepada orang lain dan dihalang daripada menjaganya anaknya sendiri.

1.8.3 Remaja

Kamus Longman Dictionary of Contemporary English (1987), menyatakan remaja sebagai '*a boy or a girl in the period of being a child and being an adult*'.

Sommer (1978), menyatakan bahawa remaja atau dalam Bahasa Inggeris "*adolescence*" adalah dari Bahasa Latin "*adolescere*" yang bermakna sedang membesar. Pada masa kini, istilah remaja ini digunakan untuk peringkat umur dari akil baligh (*puberty*) hingga dewasa (*adulthood*). Jadi peringkat remaja merangkumi keseluruhan

transisi dari alam kanak-kanak ke alam dewasa dari perspektif psikologi dan sosiologi (Rice, 1998)

1.8.4 Pelajar Remaja

Pelajar remaja ialah pelajar lelaki dan perempuan yang masih bersekolah di sekolah menengah yang sudah mencapai akil baligh (*puberty*). Pelajar remaja dalam kajian adalah khususnya daripada keluarga ibu tunggal sahaja.